

HUBUNGAN ANTARA PENYELIAAN PENGAJARAN,
KESEDIAAN MENGAJAR DAN PROFESIONALISME GURU
DI KALANGAN GURU TEKNIKAL

LIM YEONG CHYNG

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

APRIL, 2007

Istimewa buat keluarga tersayang

Ayah (Lim Chui Choon)

Ibu (See Sui Heo)

Suami (Cheong Wei Han)

Anak (Cheong Kai Chee)

Dan

Adik-adik

Serta rakan-rakan yang dikasihi



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur kepada tuhan kerana saya dapat menyiapkan laporan projek bagi Projek Sarjana II dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Ketua Jabatan Ikhtisas Pendidikan, Dr. Hj. Baharom Bin Mohamad selaku penyelia saya yang banyak memberi dorongan dan cadangan ke arah aktiviti penulisan laporan projek. Saya ingin mengambil kesempatan yang terluang ini untuk merakamkan jutaan penghargaan kepada panel-panel ke atas cadangan yang diberikan semasa seminar. Pendapat-pendapat mereka yang bernas akan dijadikan panduan asas untuk penambahbaikan penulisan laporan projek ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr. Jailani Bin Md. Yunos, Prof. Madya Dr. Wan Mohd Rashid Bin Wan Ahmad dan Dr. Hussain Bin Othman di atas tunjuk ajar, pendapat dan ilmu yang berguna dalam usaha menilai kesahan keseluruhan soal selidik kajian ini. Di samping itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof Madya Dr. Noraini Binti Kaprawi dan Puan Hajah Nafisah @ Kamariah Binti Hj Md Kamaruddin di atas tunjuk ajar dalam bahagian statistik. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Prof Madya Siti Fauzeyah Binti Syed Salim dan pensyarah yang lain di atas tunjuk ajar, pendapat dan ilmu yang berguna dalam usaha menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengetua-pengetua dan guru-guru di Sekolah Menengah Teknik di Pulau Pinang dan Sekolah Menengah Teknik Lebu Cator Ipoh. Kerjasama yang sepenuhnya diberikan pada saya semasa kajian dijalankan. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada ibu bapa dan ahli keluarga saya yang banyak memberi dorongan dan galakan kepada saya untuk menyiapkan laporan projek ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah banyak memberi perangsang serta dorongan. Akhir sekali, saya ingin menghulurkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung di sepanjang penulisan laporan projek ini.

ABSTRAK

Bagi memperbaiki kualiti pendidikan, penyeliaan pengajaran yang berkesan perlu ditegaskan dalam proses pengajaran guru. Penyeliaan sebagai salah satu mekanisme penting dalam Standard Kualiti Pelajaran Malaysia (SKPM) untuk menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia, sekali gus mengesan kelemahan dan membuat penambahbaikan. Kajian yang telah dijalankan adalah berbentuk kuantitatif untuk mengenal pasti hubungan antara penyeliaan pengajaran, kesediaan mengajar dan profesionalisme guru di kalangan guru teknikal. Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti persepsi guru terhadap tahap kepentingan penyeliaan pengajaran, tahap kesediaan mengajar guru semasa penyeliaan pengajaran berlaku dan hubungan di antara persepsi guru terhadap kepentingan penyeliaan pengajaran dengan tahap profesionalisme guru. Secara khususnya kajian ini adalah berbentuk tinjauan di mana setiap maklumat itu diperolehi daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada guru teknikal di enam buah Sekolah Menengah Teknik di Pulau Pinang. Sampel kajian adalah seramai 120 orang responden. Dalam kajian rintis, nilai alpa penyeliaan pengajaran keseluruhan mencapai 0.963. Perisian *Statiscal Package for Social Sciences* (SPSS 13.0) digunakan dalam pemprosesan dan penganalisaan data. Kesemua data dianalisis dalam bentuk statistik deskriptif dan statistik inferensi. Kaedah frekuensi dan peratus digunakan untuk menganalisis profil responden. Kaedah purata skor digunakan menganalisis data bagi persepsi guru terhadap tahap kepentingan penyeliaan pengajaran dan tahap kesediaan guru semasa penyeliaan pengajaran. Kaedah korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan di antara persepsi guru terhadap tahap kepentingan penyeliaan pengajaran dengan tahap profesionalisme guru. Dapatan kajian mendapati guru sedar akan kepentingan penyeliaan pengajaran dengan purata keseluruhan skor min 3.15 dan sisihan piawai adalah 0.593. Tahap kesediaan mengajar guru adalah tinggi iaitu purata keseluruhan skor min 3.39 dan sisihan piawai adalah 0.396. Keputusan yang diperolehi daripada analisis korelasi Pearson merupakan hubungan yang positif dengan pekali korelasi yang sederhana iaitu $r = 0.502$. Guru-guru perlu didedahkan kepada konsep dan matlamat penyeliaan pengajaran, justeru itu dapat memperkembangkan potensi guru secara berterusan dan meningkatkan profesionalisme guru.

ABSTRACT

To improve the quality of education, the effectiveness of instructional supervision should be stressed in the teaching and learning process. Supervision is one of the important mechanisms in the Quality Standard of Malaysian Education in order to achieve world class status. This purpose of the quantitative research is to identify relationship between the instructional supervision, teacher readiness and teacher professional among technical teacher. The research is also to identifying instructions perception towards the importance of instructional supervision during supervision and the relationship between instructions supervision and professional of teacher. Data is collected from questionnaire which were distributed to technical teacher from six technical school around Penang consists of 120 respondents. In the pilot test, the overall Alpha Cronbach of instructional supervision is 0.963. Statistical Package for Social Science (SPSS) version 13.0 is used to process the data and data analysis. All data are analyzed in the descriptive statistics and inferential statistics. Frequency and percentages source used to analyze the respondents profile. The average score are used to analyze data to provide teacher perception on the importance of instructional supervision and teacher readiness. The Pearson correlation method is used to identify the relationship between instructional supervision with professional of the teachers. The findings include that the teachers are be interested in instructional supervision with overall average score is 3.15 and standard deviation is 0.593. Teacher readiness is high which overall average score is 3.39 is and standard deviation is 0.396. Relationship acquired from correlation analysis Pearson is positive relationship with correlation coefficient that the moderate that is $r = 0.502$. Teachers should expose to the concept and instruction supervision objective education, moreover that can develop teacher potential continuously and to increase teacher professionalism.

KANDUNGAN

| BAB PERKARA | MUKA SURAT |
|--------------------------------|-------------------|
| PENGESAHAN STATUS TESIS | |
| PENGESAHAN PENYELIA | |
| HALAMAN JUDUL | i |
| PENGAKUAN | ii |
| DEDIKASI | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xiv |
| SENARAI LAMPIRAN | xv |
| | |
| I PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Masalah | 3 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 5 |
| 1.4 Tujuan Kajian | 6 |
| 1.5 Objektif Kajian | 6 |
| 1.6 Persoalan Kajian | 7 |
| 1.7 Hipotesis Kajian | 7 |

| | | |
|--------|-----------------------|----|
| 1.8 | Kerangka Kajian | 8 |
| 1.9 | Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.10 | Skop Kajian | 9 |
| 1.11 | Batasan Kajian | 10 |
| 1.12 | Definisi Istilah | 10 |
| 1.12.1 | Penyeliaan Pengajaran | 10 |
| 1.12.2 | Kesediaan Mengajar | 10 |
| 1.12.3 | Profesionalisme Guru | 11 |

II TINJAUAN LITERATUR

| | | |
|-------|---|----|
| 2.1 | Pengenalan | 12 |
| 2.2 | Teori Penyeliaan | 12 |
| 2.2.1 | Teori Penyeliaan Tradisional | 12 |
| 2.2.2 | Teori Penyeliaan Humanistik | 13 |
| 2.2.3 | Teori Penyeliaan Sainifik Moden | 13 |
| 2.3 | Model Penyeliaan | 14 |
| 2.3.1 | Model Penyeliaan Tradisional | 14 |
| 2.3.2 | Model Penyeliaan Rakan Sebaya | 15 |
| 2.3.3 | Model Penyeliaan Berorientasi Matlamat | 16 |
| 2.3.4 | Model Penyeliaan Acheson dan Gall | 17 |
| 2.3.5 | Model Penyeliaan Berpusatkan Pembelajaran | 18 |
| 2.3.6 | Model Penyeliaan Klinikal | 18 |
| 2.3.7 | Model Penyeliaan Bukan Arahkan | 20 |
| 2.3.8 | Model Penyeliaan Kolaboratif | 20 |
| 2.3.9 | Rumusan Model Penyeliaan | 21 |
| 2.4 | Penyeliaan Pengajaran | 22 |
| 2.4.1 | Penyeliaan Oleh Jemaah Nazir Persekutuan | 23 |
| 2.4.2 | Penyeliaan Oleh Pengetua Sekolah | 24 |
| 2.5 | Kepentingan Penyeliaan | 24 |
| 2.6 | Kesediaan Guru Semasa Proses Penyeliaan | 25 |

| | | |
|---------|---------------------------------------|----|
| 2.6.1 | Sikap Guru Terhadap Tugas | 26 |
| 2.6.2 | Kualiti Pengajaran Guru | 27 |
| 2.6.3 | Keupayaan Berkomunikasi | 28 |
| 2.6.3.1 | Teori Komunikasi. | 29 |
| 2.6.3.2 | Model Komunikasi | 30 |
| 2.6.4 | Pendekatan Pengajaran | 32 |
| 2.6.5 | Kesediaan Guru Dari Segi Pengukuhan | 34 |
| 2.7 | Profesionalisme Perguruan | 34 |
| 2.8 | Pembangunan Profesionalisme Perguruan | 36 |
| 2.8.1 | Inisiatif / daya usaha | 36 |
| 2.8.2 | Dedikasi | 37 |
| 2.8.3 | Perancangan | 38 |
| 2.8.4 | Kerjasama | 38 |
| 2.8.5 | Kepimpinan | 39 |
| 2.8.6 | Kepakaran | 40 |
| 2.8.7 | Integriti | 40 |
| 2.8.8 | Keaktifan | 41 |
| 2.9 | Tinjauan Terhadap Kajian-Kajian Lepas | 41 |
| 2.10 | Rumusan | 43 |

III METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|----------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 44 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian | 45 |
| 3.3 | Populasi dan sampel Kajian | 45 |
| 3.4 | Lokasi Kajian | 46 |
| 3.5 | Kerangka Kerja | 47 |
| 3.6 | Instrumen Kajian | 48 |
| 3.6.1 | Soal Selidik | 48 |
| 3.7 | Kajian Rintis | 51 |
| 3.7.1 | Kesahan | 52 |
| 3.7.2 | Kebolehpercayaan | 53 |
| 3.8 | Pembolehubah-pembolehubah Kajian | 54 |

| | | |
|-------|---------------------------|----|
| 3.8.1 | Pembolehkan Bersandar | 54 |
| 3.8.2 | Pembolehkan Tak Bersandar | 55 |
| 3.9 | Pengumpulan Data | 55 |
| 3.10 | Kaedah Penganalisan Data | 56 |
| 3.11 | Jangkaan Kajian | 56 |
| 3.12 | Rumusan | 57 |

IV ANALISIS DATA

| | | |
|-------|---|----|
| 4.1 | Pengenalan | 58 |
| 4.2 | Profile Responden | 58 |
| 4.2.1 | Jantina | 59 |
| 4.2.2 | Umur | 59 |
| 4.2.3 | Tempoh Berkhidmat | 60 |
| 4.2.4 | Taraf Pendidikan Tertinggi | 61 |
| 4.2.5 | Maklumat Asal Yang Berkaitan Dengan Penyeliaan Pengajaran | 62 |
| 4.3 | Dapatan Kajian | 63 |
| 4.3.1 | Persepsi Guru Terhadap Tahap Kepentingan Penyeliaan Pengajaran | 63 |
| 4.3.2 | Tahap Kesediaan Guru Semasa Proses Penyeliaan Pengajaran | 65 |
| 4.3.3 | Tahap Profesionalisme Guru | 66 |
| 4.4 | Rumusan | 68 |

V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

| | | |
|-------|------------------------------------|----|
| 5.1 | Pengenalan | 69 |
| 5.2 | Ringkasan Kajian | 75 |
| 5.3 | Perbincangan Dan Kesimpulan | 70 |
| 5.3.1 | Aspek Amalan Penyeliaan Pengajaran | 71 |

| | | |
|-------|--|----|
| 5.3.2 | Aspek Persepsi Guru Terhadap Tahap Kepentingan Penyeliaan Pengajaran | 72 |
| 5.3.3 | Aspek Tahap Kesediaan Mengajar Guru Semasa Penyeliaan Pengajaran | 74 |
| 5.3.4 | Aspek Hubungan Di Antara Persepsi Guru Terhadap Kepentingan Penyeliaan Pengajaran Dengan Tahap Profesionalisme Guru | 78 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 79 |
| 5.5 | Cadangan | 79 |
| 5.5.1 | Cadangan Kepada Pengetua | 80 |
| 5.5.2 | Cadangan Kepada Guru | 80 |
| 5.5.3 | Cadangan Kajian Lanjutan | 80 |
| 5.6 | Penutup | 81 |

RUJUKAN

82

LAMPIRAN

91



SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|--|------------|
| 3.1 | Pemarkahan item-item skala Likert | 49 |
| 3.2 | Bahagian-bahagian dalam borang soal selidik | 50 |
| 3.3 | Analisis kajian <i>Alpha-Cronbach</i> | 52 |
| 3.4 | Interpretasi skor <i>Alpha-Cronbach</i> | 54 |
| 3.4 | <i>Guiford's Rule of Thumbs</i> | 56 |
| 4.1 | Taburan peratusan responden mengikut jantina | 59 |
| 4.2 | Taburan peratusan responden mengikut umur | 60 |
| 4.3 | Taburan peratusan responden mengikut tempoh berkhidmat | 60 |
| 4.4 | Taburan peratusan responden mengikut taraf pendidikan tertinggi | 61 |
| 4.5 | Skor min dan sisihan piawai bagi item-item kepentingan penyeliaan pengajaran | 64 |
| 4.6 | Skor min dan sisihan piawai bagi aspek tahap kesediaan mengajar guru | 66 |
| 4.7 | Korelasi Pearson antara persepsi guru terhadap kepentingan penyeliaan pengajaran dengan tahap profesionalisme guru | 67 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------|--|------------|
| 1.1 | Kerangka Kajian | 8 |
| 2.1 | Model Penyeliaan Tradisional | 15 |
| 2.2 | Model Penyeliaan Rakan Sebaya | 16 |
| 2.3 | Model Penyeliaan Berorientasi Matlamat | 17 |
| 2.4 | Model Penyeliaan Acheson dan Gall | 17 |
| 2.5 | Model Penyeliaan Berpusatkan Pembelajaran | 18 |
| 2.6 | Model Penyeliaan Klinikal | 19 |
| 2.7 | Model Penyeliaan Bukan Arahkan | 20 |
| 2.8 | Model Penyeliaan Kolaboratif | 21 |
| 2.9 | Model Komunikasi Kemanusiaan | 31 |
| 2.10 | Model Shannon dan Weaver | 31 |
| 2.11 | Model Wilbur Schramm | 32 |
| 3.1 | Kerangka kerja | 47 |
| 4.1 | Graf kekerapan penyeliaan oleh penyelia | 62 |
| 4.2 | Graf serakan menunjukkan hubungan di antara persepsi guru terhadap kepentingan penyeliaan pengajaran dengan tahap profesionalisme guru | 68 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---------|---|---|
| JNS | - | Jemaah Nazir Sekolah |
| KUiTTHO | - | Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn |
| PIPP | - | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan |
| RMK-9 | - | Rancangan Malaysia Ke Sembilan |
| SKPM | - | Standard Kualiti Pelajaran Malaysia |
| SPSS | - | <i>Statistical Package for Social Science</i> |
| UTHM | - | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|---|-------------------|
| A | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian | 91 |
| B | Borang Soal Selidik | 110 |
| C | Kesahan Soal Selidik | 123 |
| D | Kebolehpercayaan Kajian Rintis | 131 |
| E | Hasil Dapatan Kajian | 138 |
| F | Pelan Pelaksanaan Projek Sarjana I dan II | 147 |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Salah satu fungsi kualiti dalam pendidikan adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu pengajaran yang menyeluruh dalam menangani isu, matlamat, dan kepentingan pendidikan selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan untuk melahirkan generasi muda yang seimbang dari segi jasmani, rohani, dan intelek. Kualiti sistem pendidikan negara merangkumi pembinaan dan pemupukan modal.

Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) yang telah dibentangkan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Mac 2006 menyatakan bahawa kualiti pengajaran guru akan ditingkatkan. Kurikulum dan aktiviti kokurikulum akan dikaji bagi memastikan ia menyediakan asas yang kukuh dan bersesuaian dengan kehendak semasa. Dengan teras Misi Nasional yang dilancarkan bagi memacu Malaysia menuju Wawasan 2020, pendekatan berasaskan pengetahuan, kreativiti, inovasi dan usaha memupuk minda kelas pertama diberi keutamaan. Teras pendidikan merupakan perkara yang paling penting kerana ia merupakan pemacu kepada kemajuan negara baik dari sudut ekonomi mahupun kualiti hidup dan juga penubuhan institusi yang kukuh pada masa hadapan.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang dilancarkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 16 Januari 2007 mampu membangunkan modal insan di kalangan guru dan

pelajar sekolah pada masa akan datang. PIPP merupakan rancangan menyeluruh dan mengenal pasti bidang-bidang yang diberi perhatian dan perkara-perkara yang perlu dilakukan dalam tempoh lima tahun akan datang. PIPP akan memartabatkan profesion keguruan, memperkasakan sekolah dan pemilihan guru yang lebih rapi untuk mengajar di sekolah. Pelan induk itu menggariskan enam teras strategik bagi melahirkan modal insan yang cemerlang, produktif dan kreatif ke arah membantu Misi Nasional menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Ia bertujuan melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia.

Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (2000), profesion perguruan di Malaysia memerlukan reformasi profesionalisme yang radikal dan drastik bagi mengatasi berbagai-bagai masalah, cabaran dan jangkaan baru dalam merealisasikan agenda-agenda pembangunan pendidikan pada abad ke-21. Peranan pendidikan dalam mencorakkan arus perubahan dan pembangunan masyarakat dan negara memerlukan anjakan paradigma profesionalisme perguruan yang lebih dinamik dan progresif. Profesionalisme perguruan yang dinamik perlu melahirkan kepimpinan guru yang berkualiti, sentiasa memperbaiki dan mempertahankan etika profesionalisme pendidikan, berbanding dengan tugas yang mengabdikan diri sebagai golongan pendidikan yang berwibawa.

Penyeliaan pengajaran guru di dalam bilik darjah bukan sahaja bertujuan mempertingkatkan profesionalisme dan prestasi guru berhubungan pengajaran dan prestasi pelajar berkaitan pembelajaran, malah ia telah menjadi asas perbincangan profesional antara pengetua dengan guru (Sullivan dan Glanz, 2005). Penyeliaan ke atas pengajaran dan pembelajaran dari semasa ke semasa sangat diperlukan sebagai saluran pengawasan untuk membaiki dan pemantapan supaya proses pengajaran dan pembelajaran berjalan di atas landasan yang betul dan bermutu tinggi selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan pendidikan di Malaysia bertaraf dunia.

Menurut Mohd Salleh Lebar (2000), penyeliaan bukanlah perkara baru tetapi telah wujud pada zaman British lagi di mana adanya fungsi Guru Pelawat dan juga Nazir Sekolah. Pada masa tersebut sudah wujud interaksi antara penyelia dengan

mereka yang diselia. Ia juga bersifat demokratik dan diberi layanan yang baik. Pada tahun 1965, sebuah organisasi baru telah dibentuk untuk berfungsi sebagai satu badan profesional yang bebas yang dipertanggungjawabkan untuk memeriksa sekolah-sekolah di seluruh negara. Organisasi itu ialah Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan yang kemudiannya bertukar menjadi salah satu bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia (Lim Teh Eng, 1985). Peranan Jemaah Nazir Sekolah dalam membuat penyeliaan ialah untuk menilai pengajaran, pengelolaan dan pengurusan sekolah, penggunaan sumber dan memberi pandangan serta sebagai bentuk pemeriksaan. Jemaah Nazir Sekolah ialah satu bahagian di Kementerian Pelajaran yang menumpukan tugasnya kepada pemeriksaan kemajuan institusi pendidikan, khususnya sekolah, bagi menentukan wujudnya peningkatan kualiti yang berterusan dalam konteks pembangunan organisasi dan pembangunan pengurusan (Ibrahim Mamat, 2001).

Di sekolah, penyeliaan biasanya dibuat oleh pengetua atau guru besar dan juga kakitangan yang diberi kuasa. Semasa penyeliaan berjalan, penyelia mungkin dapat mengesan penyelewengan fungsi atau masalah yang timbul dalam sistem persekolahan. Dalam situasi begini, suasana kemesraan dapat diwujudkan. Ada unsur kemanusiaan dan tiada ketegangan di antara satu sama lain. Penyeliaan pengajaran sebagai satu fasa dalam proses pentadbiran sekolah yang menekankan kepada pencapaian matlamat pengajaran (Al. Ramaiah, 1992). Sekolah ialah sebuah organisasi pendidikan yang unik dan kompleks. Organisasi yang sebegini memerlukan penyeliaan yang dinamik. Ini bermakna pengetua hendaklah juga menjadi penyelia yang efektif untuk memastikan organisasinya berjalan baik dan segala sumber diurus dengan berkesan (Ahmad Sabu, 2000).

1.2 Latar Belakang Masalah

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993) menyatakan menjamin kualiti perkhidmatan dalam profesion keguruan pada abad ke-21 merupakan satu cabaran. Arus pembangunan masa kini mendesak peningkatan kualiti dalam semua bidang

perkhidmatan sosial. Fenomena ini sudah tentu akan meningkatkan lagi tuntutan sosial ke arah suatu tahap kualiti perkhidmatan yang cemerlang dalam profesion keguruan.

Jumlah guru kian meningkat dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian didapati hampir setiap keluarga di Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya seorang penjawat awam yang bertugas sebagai guru. Bidang pendidikan termasuk perguruan adalah suatu bidang yang penting yang mendapat perhatian yang khusus daripada pihak kerajaan (Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani, 2003). Akhir-akhir ini persoalan yang sering dibangkitkan ialah pendidikan berkualiti. Di sekolah, kelulusan cemerlang menjadi agenda yang penting.

Imej dan status perguruan diikuti dengan perkembangan profesionalisme perguruan yang rendah perlu dipulihkan segera. Berbagai-bagai isu dan persoalan yang kritikal yang berlaku dalam profesion perguruan memerlukan reformasi profesion perguruan dilakukan untuk memulihkan kelemahan yang wujud sekarang. Langkah pembaharuan ke arah mereformasi profesion perguruan perlu mengambil kira keperluan negara untuk mencorakkan dan mempertahankan kualiti, status, pencapaian, sumbangan dan pembangunan pendidikan negara ke peringkat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia. Profesion perguruan yang merupakan tenaga penggerak wawasan pendidikan negara akan gagal memainkan peranan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Idealisme profesion perguruan yang pada suatu ketika dahulu disanjung tinggi dan begitu murni kedudukannya dalam masyarakat sudah tidak lagi mendapat penghormatan yang tinggi pada masa kini (Abd Rahim Abd Rashid, 2000).

Isu-isu tentang prestasi sekolah, keberkesanan pengajaran dan pencapaian pelajar sukar dihuraikan sepenuhnya tanpa dihuraikan tentang penyediaan dan latihan guru, baik di peringkat pra perkhidmatan mahupun peringkat dalam perkhidmatan. Salah satu aspek yang perlu diberi perhatian ialah tentang penyeliaan terutama terhadap guru, semasa mereka mengajar di sekolah (Robiah Sidin, 1998). Guru merupakan satu-satu profesion yang mulia dan dihormati sejak dahulu lagi. Peranan guru adalah amat besar. Ia bukan sahaja mencorakkan masa depan pelajar, bahkan

juga menjadi model bagi mereka yang dididiknya. Seorang guru hendaklah mempunyai kualiti-kualiti seperti berfikiran terbuka, berdisiplin dan berperikemanusiaan apabila menghadapi sesuatu cabaran. Penyeliaan dapat dilihat sebagai satu usaha untuk mendorong, menyelaraskan dan membimbing guru dalam hal pengajaran. Justeru, penyeliaan yang efektif adalah kritikal supaya ketidaksempurnaan atau kecacatan yang berkekalan dalam pengurusan sekolah dapat dihindari dan diatasi.

Mohd Salleh Lebar (2000) turut mengatakan bahawa penyeliaan pengajaran merupakan isu yang kritikal dalam kepimpinan pengajaran. Ia banyak melibatkan aspek-aspek kepimpinan, kecekapan guru, prestasi pelajar, taraf sekolah, kemahiran teknikal dan sebagainya. Untuk menghasilkan akauntabiliti dalam pendidikan bukanlah mudah dan memerlukan kepakaran dan kemahiran daripada pihak pentadbir sekolah. Oleh itu peranan seseorang pentadbir atau pengetua ialah memberi kuasa memimpin, menyelia, merancang, dan menyusun strategi.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini adalah untuk mengkaji amalan penyeliaan pengajaran di kalangan pengetua kepada guru-guru di sekolah menengah teknik supaya guru-guru lebih berupaya melakukan semua fungsi yang berkaitan dengan pengajaran dan meningkatkan kebolehan dalam mendorong serta membimbing perkembangan yang berterusan ke arah pembangunan profesionalisme guru. Profesionalisme perguruan berkait rapat dengan mutu pendidikan. Bagi memperbaiki kualiti pendidikan, penyeliaan yang berkesan perlu ditegaskan dalam proses pengajaran guru (Sufean Hussin, 1996). Penyeliaan sebagai salah satu mekanisme penting dalam Standard Kualiti Pelajaran Malaysia (SKPM) untuk menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia, sekali gus mengesan kelemahan dan membuat penambahbaikan (Jemaah Nazir Sekolah, 2003). Dalam sekolah atau organisasi pendidikan, banyak aspek negatif yang wujud seperti ketidakjelasan matlamat, ketidaklibatan manusia, ketidaksempurnaan perancangan, pelaksanaan, dan tindakan susulan serta ketiadaan

pegangan profesionalisme. Ini berlaku kerana ketidakkeberkesanan penyeliaan dalam organisasi sekolah seperti di dalam kajian Ahmad Sabu (2000). Pencapaian kecemerlangan guru yang mengajar menjadi sebahagian daripada isu dan masalah yang dihadapi pada masa kini. Isu ini mempunyai kaitan dengan penyeliaan pengajaran. Oleh yang demikian, perkara ini telah menarik perhatian penyelidik untuk mengkaji hubungan penyeliaan pengajaran, kesediaan mengajar dan profesionalisme guru di kalangan guru teknikal.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti hubungan antara penyeliaan pengajaran, kesediaan mengajar dan profesionalisme guru di kalangan guru teknikal.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengetahui persepsi guru terhadap tahap kepentingan penyeliaan pengajaran.
- ii. Mengetahui tahap kesediaan mengajar guru semasa penyeliaan pengajaran berlaku.
- iii. Mengetahui hubungan di antara persepsi guru terhadap tahap kepentingan penyeliaan pengajaran dengan tahap profesionalisme guru.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencari penyelesaian kepada beberapa persoalan seperti yang disenaraikan di bawah:


- i. Apakah persepsi guru terhadap tahap kepentingan penyeliaan pengajaran?
- ii. Apakah tahap kesediaan mengajar guru semasa penyeliaan pengajaran berlaku?
- iii. Apakah hubungan di antara persepsi guru terhadap tahap kepentingan penyeliaan pengajaran dengan tahap profesionalisme guru?

1.7 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian, satu hipotesis telah dibentuk berdasarkan objektif yang ingin dicapai.

H₀: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi guru terhadap tahap kepentingan penyeliaan pengajaran dengan tahap profesionalisme guru.

1.8 Kerangka Kajian



[Diadaptasi dan diubahsuai dari (Glickman, 2005)]

Rajah 1.1: Kerangka kajian

Dalam Rajah 1.1, penyeliaan pengajaran lebih menfokus kepada kesediaan guru semasa mengajar. Kesediaan mengajar guru merangkumi sikap guru terhadap tugas, kualiti pengajaran guru, keupayaan guru berkomunikasi, pendekatan pengajaran dan pengukuhan guru semasa pengajaran berlaku. Dengan ini, kesan daripada proses penyeliaan pengajaran menuju ke arah meningkatkan profesionalisme guru. Dalam profesionalisme guru pula tertumpu pada inisiatif / daya usaha, dedikasi, perancangan, kerjasama, kepimpinan, kepakaran, integriti dan keaktifan. Penyeliaan pengajaran adalah penting dan merupakan satu proses berbentuk rutin bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran.

1.9 Kepentingan Kajian

Pada kebiasaannya sesuatu kajian yang dilaksanakan itu perlu memberi kebaikan kepada pihak tertentu. Antara kepentingan kajian ini ialah memberi maklumat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dalam usaha menjalankan penyeliaan berterusan ke atas program-program pelajarannya di sekolah-sekolah di seluruh negara. Di samping itu, kajian ini dapat menambahkan maklumat yang berguna serta memupuk kesedaran pada pihak sekolah menengah teknik dalam mempertingkatkan usaha bagi pembangunan profesionalisme guru melalui penyeliaan pengajaran. Seterusnya, kajian ini dapat membantu pihak pengetua sekolah menilai kembali proses pengajaran, pengelolaan dan pengurusan sekolah. Justeru, kajian yang dibuat ini boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada guru-guru mengenai aspek penting yang perlu diberi keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian ini juga dapat memberi nilai tambah kepada para guru ke arah menjadi pendidik yang berkualiti.

1.10 Skop Kajian

Kajian ini menfokuskan kepada hubungan penyeliaan pengajaran, kesediaan mengajar dan profesionalisme guru di kalangan guru teknikal di sekolah menengah teknik. Dalam kajian ini kaedah tinjauan proses penyeliaan pengajaran guru adalah menjurus kepada guru-guru yang diselia dan kesediaan guru semasa pengajaran. Dari segi tahap kesediaan mengajar, guru ditinjau melalui sikap dan dedikasi guru terhadap tugas, kualiti pengajaran guru, keupayaan berkomunikasi guru, pendekatan pengajaran dan pengukuhan guru sendiri semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Dalam aspek tahap profesionalisme guru pula dinilai dari segi inisiatif / daya usaha, dedikasi, perancangan, kerjasama, kepimpinan, kepakaran, integriti dan keaktifan.

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di sekolah menengah teknik di Semenanjung Malaysia iaitu Sekolah Menengah Teknik di Pulau Pinang. Responden terdiri daripada 120 orang guru teknikal dari enam buah sekolah menengah teknik di Pulau Pinang yang dipilih secara rawak. Kajian ini hanya menggunakan borang soal selidik untuk tujuan pengumpulan data.

1.12 Definisi Istilah

Di dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang sering digunakan. Bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas dan bertepatan dengan maksud kajian ini, definisi-definisi istilah tersebut dinyatakan seperti di bawah:

1.12.1 Penyeliaan Pengajaran

Penyeliaan secara langsung adalah merujuk kepada pemerhatian dan penilaian yang dibuat ke atas pengajaran guru. Ia juga merupakan segala tindakan yang diambil ke atas guru dengan tujuan melaksanakan atau membaiki proses pengajaran di sesebuah sekolah. Usaha ini mendorong, menyelaraskan dan membimbing guru dalam hal pengajaran.

1.12.2 Kesediaan Mengajar

Kesediaan mengajar merujuk kepada persiapan seseorang guru itu serta keyakinan yang sepenuhnya sebelum dan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Tahap kesediaan guru diukur melalui sikap dan dedikasi guru

RUJUKAN

Abd. Ghafar Md. Din (2003). "Prinsip Dan Amalan Pengajaran." Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abd. Rahim Abd. Rashid (1999). "Profesionalisme: Motivasi Pengurusan Bilik Darjah." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abd. Rahim Abd. Rashid (2000). "Wawasan & Agenda Pendidikan." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abd. Rahim Abd. Rashid (2002). "Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Sosial: Teori Dan Amalan." Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Acheson, K. dan Gall, M. (1980). "Techniques In The Clinical Supervision Of Teacher." New York: Longman.

Ahmad Kilani Mohamad (2003). "Pengurusan Pendidikan Di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Sabu (2000). "Ke Arah Penyeliaan Sekolah Yang Efektif." *Jurnal Pengurusan Dan Kepemimpinan Pendidikan, Institut Aminudin Baki Kementerian Pelajaran Malaysi.* 08 (01). 52-59.

Ainon Mohd. Abdullah Hassan (2003). "Guru Sebagai Pendorong Dalam Bilik Darjah." Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Al. Ramaiah (1992). "Kepimpinan Pendidikan Cabaran Masa Kini." Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.

Al. Ramaiah (1995). "Penyeliaan – Satu Beban Atau Kemudahan." Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Amin Senin (2005). "Sekolah Sebagai Organisasi Pembelajaran." *Jurnal Pengurusan Dan Kepemimpinan Pendidikan, Institut Aminudin Baki Kementerian Pelajaran Malaysia*. **15** (01). 34-41.

Amir Hassan Dawi (2002). "Penteorian Sosiologi Dan Pendidikan." 2nd. ed. Tanjung Malim: Quantum Books.

Baharuddin Aris, Noraffandy Yahaya, Jamalludin Hj. Harun dan Zaidatun Tasir (2000). "Teknologi Pendidikan: Dari Yang Tradisional Kepada Yang Terkini." Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Baldwin, J. R., Perry, S. D. dan Moffitt, M. A. (2004). "Communication Theories: For Everyday Life." Boston: Pearson Education, Inc.

Banks, S.R. dan Thompson, C.L. (2000). "Educational Psychology: For Teachers In Training." St. Paul: West Publishing Company.

Beach, D. M. dan Judy, R. (2000). "Supervisory Leadership: Focus On Instruction." Boston: Allyn and Bacon.

Boon Pong Ying (2003). "Amalan Reflektif Ke Arah Peningkatan Profesionalime Diri Guru." *Jurnal IPBA*. **3** (2). 102-109.

Burke, J. dan Larry, C. (2000). "Educational Research: Quantitative And Qualitative Approaches." Boston: Ally and Bacon.

Chua Yan Piaw (2006). "Kaedah Penyelidikan." Kuala Lumpur: McGraw-Hill (M) Sdn. Bhd.

Colantonio, J. N. (2005). "Combined Instructional Supervision And Staff Development." *ProQuest Education Journals*. **5** (9). 30-34.

Coppola, A. J. , Scricca, D. B. dan Connors, G. E. (2004). "Supportive Supervision: Becoming A Teacher Of Teachers." California: Corwin Press.

Devito, J. A. (2002). "Essentials Of Human Communication." 4th. ed. Boston: Allyn and Bacon.

- Downey, A. dan McKelly, J. (2001). "Theory and Practice of Education." Hamper: Row.
- Dunford, J., Fawcell, R. dan Bennett, D. (2000). "School Leadership: National And International Perspective." London: Pearson education, Inc.
- Esah Sulaiman (2003). "Amalan Profesionalisme Perguruan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Esah Sulaiman (2004). "Pengenalan Pedagogi." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Faridah Md. Pungot, Noridah Rahman @ Rohan dan Siti Rahman Mohamed (2005). "Kesan Penyeliaan Pihak Pengurusan terhadap kecemerlangan Kerja Guru Di SM Teknik Kluang." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Foo Say Fook (2005). "Etika Perguruan: Jaminan Peningkatan Profesionalisme." Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Foster, J. J. (2001). "Data Analysis Using SPSS For Windows: A Beginner's Guide." London: Sage Publications.
- Fraenkel, J. R. dan Wallen, N. E. (1996). "How To Design And Evaluate Research In Education." 3rd. ed. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Gatewood, R. D., Taylor, R. R dan Ferrell, O. C. (1995). "Management: Comprehension, Analysis & Application." Chicago: Austen Press Irwin Inc.
- Gelsthorpe, T. dan Burnham, J. W. (2003). "Educational Leadership And The Community: Strategies For School Improvement Through Community Engagement." London: Pearson Education, Inc.
- Getz, H. G. (1999). " Assessment Of Clinical Supervision Competencies." *Journal Of Caunseling & Development*. 77 (4). 491-497.
- Glanz, J. (2005). "Action Research As Instructional Supervision: Suggestions For Principals." *ProQuest Education Journals*. 89 (643). 17-27.

- Glatthorn, A. A. (1984). "Differentiated Supervision." Alexandria, Va.: Association For Supervision And Curriculum Development.
- Glickman, C. D., Gordon, S. P. dan Ross-Gordon, J. M. (2005). "The Basic Guide To Supervision And Instructional Leadership." Boston: Pearson Education, Inc.
- Goldhammer, R., Anderson, R. H. dan Krajewski, R. J. (1993). "Clinical Supervision: Special Method For The Supervision Of Teacher." 3rd. ed. United States of America: Harcourt Brace Jovanovich College Publishers.
- Harris, B. M. (1985). "Supervisory Behavior In Education." 3rd. ed. London: Prentice-Hall, Inc.
- Hishamuddin Md. Som (2005). "Panduan Mudah Analisis Data Menggunakan SPSS Windows." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Holifield, M. dan Cline, D. (1997). "Clinical Supervision And Its Outcomes: Teacher And Principals Report." *NASSP Bulletin*. **81** (590). 109-113.
- Hopkins, W. S. dan Moore, K. D. (1993). "Clinical Supervision: A Practical Guide To Student Teacher Supervision". United States of America: Wm. C. Brown Communications, Inc.
- Hussein Mahmood (1997). "Kepimpinan Dan Keberkesanan Sekolah." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin Abu Bakar (1992). "Peningkatan Kualiti Guru Melalui Pencerapan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah." *Jurnal Pendidikan*. **36** (77) 34-40.
- Ibrahim Ahmad Bajunid (2001). "Memartabatkan Profesion Perguruan." Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kongres Pendidikan Melayu.
- Ibrahim Mamat (2001). "Pengetua Sekolah Menangani Isu Dan Cabaran Kepimpinan." 2nd. ed. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Isahak Haron dan Koh, Boh Boon (1992). "Asas-asas Dalam Amalan Pedagogi." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Jemaah Nazir Sekolah (2003). "Standard Kualiti Pendidikan Malaysia." Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Joanne, J. (2005). "Teacher Supervision: If it Ain't Working." *Educational Leadership*. **63** (3). 88-89.
- Johnson, B. dan Christensen, L. (2000). "Educational Research: Quantitative And Qualitative Approaches." Boston: Pearson Education, Inc.
- Kamaruddin Haji Husin (1994). "Dinamik Sekolah Dan bilik Darjah." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj. Kachar (1989). "Roles In The Administration Of Schools In Malaysia." Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1998). "Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran." Kuala Lumpur: KPM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2001). "Kajian Penilaian Dasar Tentang Pencerapan Pengajaran Oleh Pengetua, Penolong Kanan Dan Ketua Bidang Di Sekolah Menengah." Kuala Lumpur: BPPDP.
- Kerlinger. F.N, (1973). " Foundation Of Behavioral Research." New York: Rineheart and Winston Inc.
- Lim Teh Eng (1985). "Penyeliaan Sekolah-Sekolah Di Malaysia." *Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia*. **29** (67). 1-6.
- Louis, K. S., Kruse, S. dan Raywid, M. A. (1996). "Putting Teacher At The Center Of Reform: Learning Schools And Profesional Communities." London: Prentice-Hall, Inc.
- Lunenburg, F. C. (1995). "The Principalship: Concepts And Applications." Ohio: Prentice Hall.
- Maimunah Ismail (1999). "Pengembangan Implikasi Ke Atas Pembangunan Masyarakat." 2nd ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Marczely, B. (2001). "Supervision Of Education: A Differential Approach With Legal Perspectives." Gaithersburg: Aspen Publishers.
- McMillan, J. H. (2004). "Education Research: Fundamentals For The Consumer." 4th. ed. Boston: Pearson Education, Inc.
- Mehrunnisa Ahmad Ali (2000). "Supervision For Teacher Development: An Alternative Model For Pakistan." *Jurnal Of Educational Development*. 20 (2000). 177-188.
- Mertler, C. A. dan Charles, C. M. (2005). "Introduction To Educational Research." 5th. ed. Boston: Pearson Education, Inc.
- Miller, K. (2005). "Communication Theories: Perspectives, Processes And Contexts." 2nd. ed. Boston: McGraw Hill.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nawi Ab Rahman (2000). "Teras Penyelidikan." Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 For Window." Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mohd Salleh Lebar (1998). "Pengenalan Ringkas: Sosiologi Sekolah & Pendidikan." Selangor: Thiker's Library Sdn. Bhd.
- Mohd Salleh Lebar (2000). "Pentadbiran Pendidikan & Pendidikan Di Malaysia." Kuala Lumpur: Addison Wesley Longman Sdn. Bhd.
- Newby, T. J. (2000). "Instructional Technology For Teaching And Learning." 2nd. ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Newell, Allan dan Herbert, A. (2002). "Human Problem Solving." New Jersey: Prentice-Hall Inc.

- Noran Fauziah Yaakub (1991). "Psikologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mohdzan Ayob (1992). "Guru Dan Perguruan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oliva, P. F. dan Pawlas, G. E. (2004). "Supervision For Today's School." United States of America: John Wiley & Sons, Inc.
- Oliver, P. (2004). "Writing You Theses." London: Sage publications.
- Omardin Ashaari (1996). "Pengurusan Sekolah: Satu Panduan Lengkap." Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution.
- Peiffer, I. L. dan Dunlap, J. B. (1982). "Supervision Of Teachers: A Guide To Improving Instruction." London: ORYX Press.
- Peter F. Olive dan George E. Pawlas (2004). "Supervision For Today's Schools." 7th. ed. United States of America: Wiley Publishing, Inc.
- Rahmad Sukor Ab Samad dan Mohd Subhi Marsan (2001). "Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pengurusan Sekolah". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robiah Sidin (1988). "Asas Pentadbiran Pendidikan." Selangor: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin (1998). "Pemikiran Dalam Pendidikan." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Robinson, B. (1984). "The Role of Technology in Distance Education." London: Croom Helm.
- Rohana Yusuf (2003). "Penyelidikan Sains Sosial." Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rudestam, K. E. dan Newton, R. R. (2001). "Surviving Your Dissertation: A Comprehensive Guide to Content and Proses." 2nd. ed. United States of America: Sage Publications Ltd.

Saedah Siraj, Zainun Ishak dan Tunku Mohani Tunku Mokhtar (2000). "Motivasi Dalam Pendidikan." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sergiovanni, T. J. dan Starratt, R. J. (2002). "Supervision A Redefinition." 7th. ed. Boston: Mc Graw Hill.

Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee, Pau Wing dan Saedah Hj. Siraj (1998). "Pendidikan Di Malaysia." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Snowden, P. E. dan Gorton, R. A. (2002). "School Leadership And Administration Important Concept, Case Studies And Simulation." 6th. ed. Boston: McGraw Hill.

Stones, E. (1984). "Supervision In Teacher Education: A Counseling And Pedagogical Approach." London: Methuen & Co. LTD.

Sufean Hussin (1996). "Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sufean Hussin (2004). "Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori Dan Analisis." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sulaiman Ngah Razali (1997). "Pedagogi: Teori Dan Praktik." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sullivan, S. dan Glanz, J. (2005). "Supervision That Improves Teaching: Strategies And Technique". 2nd. ed. California: Corwin Press.

Syed Arabi Idid (2001). "Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Walliman, N. (2001). "Your Research Project." London: Sage publications.

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993). "Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian." Kuala Lumpur: Penerbit Enterprise.

Wanzare, Z. dan Costa, J. L. (2000). "Supervision and Staff Development: Overview Of The Literature." *ProQuest Education Journals*. **84** (618). 47-54.

Wiersma, W. (1995). "Research Method in Education: An Introduction." 6th. ed. Boston: Allyn and Bacon.

Yusup Hashim (1997). "Media Pengajaran Untuk Pendidikan Dan Latihan." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zainal Abidin Mohamed (1999). "Pengurusan Strategik Di Sektor Pendidikan." 2nd. ed. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zukarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som (2001). "*Analisis Data Menggunakan SPSS WINDOWS*." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Zulhilmi Paldi dan Rohani Abdul Ghani (2003). "Pendidikan Negara Bangsa." Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Zulkarnain Mohd. Mess (1993). "Teknologi Komunikasi: Media Baru Dalam Masyarakat." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH